

# Perak dan Petronas akan meterai perjanjian

L<sup>I</sup>POH, Khamis. — Satu perjanjian akan ditandatangani antara Kerajaan Perak dengan Petronas pada 26 April ini mengenai hak dan royalti bagi perusahaan petroleum dan perusahaan lain yang berkaitan di negeri ini.

Ia akan ditandatangani oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Ghazali bin Jawi bagi Pihak kerajaan negeri dan Pengurus dan Ketua Eksekutif Petronas, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.

Seorang jurucakap kerajaan negeri memberitahu BERNAMA hari ini, perjanjian itu juga akan meliputi cadangan projek penapis minyak berharga \$240 juta di Lumut.

## Ditubuhkan

Dengan keterlibatannya perjanjian itu Syarikat Allied Refinery Sendirian Berhad ditubuhkan atas usahasama Perbadanan Kemajuan Negeri (PKN) dan pelabur-pelabur Arab, Jepun dan Amerika Syarikat mesti terlebih dahulu berunding dengan Petronas mengenai projek tersebut.

Projek penapis minyak itu sepatutnya dibina pada tahun 1973 tetapi telah tergendala kerana berbagai faktor.

Adalah difahamkan bahawa syarikat itu telah pun mendapatkan 540 ekar tanah di kawasan itu dan PKN pula sedang berusaha bagi membolehkan projek itu dilaksanakan.

## Berganda

Bila siap nanti, kilang penapis itu dijangka pada mulanya mengeluarkan 100,000 tong minyak sehari, jumlahnya kemudian berganda selepas tiga tahun dan meningkat sehingga 400,000 tong dua tahun selepas itu.

Jurucakap itu berkata bila sahaja perjanjian itu ditandatangani kerja mencarigali minyak dan sumber galian lain di luar pantai yang sekarang dijalankan oleh PERNAS akan terletak dalam kuasa Petronas.

Majlis Kerja (EXCO)



TAN SRI HAJI GHAZALI

Negeri dalam sidangnya disini kelmarin telah meluluskan butir dan kandungan perjanjian yang akan ditandatangani itu termasuk juga jumlah royalti yang akan dibayar oleh Petronas kepada negeri ini kerana mendapat hak tersebut.